

Sempena Hari Ulang Tahun Keputeraan Rasmi Yang di-Pertuan Agong Ke-17

Keperibadian Seri Paduka tepati cabaran, kehendak semasa negara

- Rakyat secara umumnya melihat keperibadian Sultan Ibrahim sebagai Raja pemerintah bersifat tegas, bijaksana, pemurah, suka berterus-terang dan berketerampilan tinggi

- Baginda percaya kerajaan perlu konsisten dengan dasar mampan untuk memperbaiki ekonomi negara dan perbuatan pihak mencetuskan ketidakstabilan politik perlu ditangani



Profesor Madya Institut Antarabangsa Pemikiran Islam dan Tamadun (ISTAC) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Fakulti Pengurusan Industri Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)

Oleh Prof Madya Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain
bhrencana@bh.com.my

Hari ini berlangsung sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Rasmi Yang di-Pertuan Agong Ke-17 Sultan Ibrahim sejak menaiki takhta Persekutuan pada 1 Februari lalu.

Penegasan Sultan Ibrahim bahawa pemilihan baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong bukan kenaikan pangkat, sebaliknya tanggungjawab tambahan bahawa tanda keinsafan betapa kewajipan terangkan dalam Sumpah Jawatan di bawah Jadual Keempat Perlembagaan Persekutuan adalah amanah berat.

Rakyat secara umumnya melihat keperibadian Sultan Ibrahim sebagai Raja pemerintah bersifat tegas, bijaksana, pemurah, suka berterus-terang dan berketerampilan tinggi.

Keperibadian sedemikian seolah-olah gambaran dan syarat diberikan dalam Hukum Kanun Melaka seperti kajian Liaw Yock Fang pada 2003: "Adapun segala raja-raja itu atas empat perkara. (Suatu perkara) Pertama ampun, kedua murah, ketiga perkara, keempat melakukan hukumnya dengan kaharnya. Itulah sifat pada segala raja-raja itu pada zaman purbakala turun-temurun datang kepada sekarang."

Dalam hal ini, setiap Yang di-Pertuan Agong pastinya mempunyai sifat dan ciri keperibadian tersendiri memenuhi syarat berkenaan. Di samping itu, pastinya gaya pemerintahan antara satu sama lain turut berbeza kerana dipengaruhi cabaran dan keperluan semasa beraneka ragam.

BH pada 10 Disember tahun lalu melaporkan komitmen Sultan Ibrahim dalam empat perkara, iaitu pertama, menghentikan amalan rasuah dengan memburu pelakunya melalui pemantauan langsung laporan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM); kedua, mengekang perpecahan rakyat; ketiga, meningkatkan tadbir urus dengan mengurangkan pengaruh politik dalam pengurusan khazanah negara seperti PETRONAS dan keempat, meningkatkan kebebasan kehakiman melalui pelantikan hakim dengan memperkasakan peranan Majlis Raja-Raja.

Selain itu, baginda percaya kerajaan perlu konsisten dengan dasar mampan untuk memperbaiki ekonomi negara dan perbuatan pihak mencetuskan ketidakstabilan politik perlu ditangani.

Sebaik menjalankan fungsi kuasa baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim mene-

rima mengadap ahli Jemaah Menteri untuk mendengar taklimat secara langsung dan mengikuti dengan lebih dekat isu berbangkit dan tertangguh.

Baginda dilihat mengamalkan pemerintahan lebih mendekati isu semasa, malah menyampaikan teguran terbuka, misalnya dalam kes tidak kesaksamaan pembangunan antara negeri.

Perkukuh kefahaman rakyat

Pendekatan sedemikian semakin mengukuhkan kefahaman rakyat mengenai kepentingan kedudukan dan fungsi sebenar Yang di-Pertuan Agong dalam pemerintahan negara.

Rakyat sejak mutakhir ini tidak lagi menganggap kedudukan Yang di-Pertuan Agong hanya simbolik dan lambang perpaduan rakyat.

Antara pembaharuan berlaku dalam tempoh terdekat dalam pemerintahan Sultan Ibrahim ialah pengenalan darjah kehormat kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui pemakaian Pesuruhjaya Yang Dipertua Kehormat (*Honorary Commissioner-in-Chief*).

Kedudukan itu bukanlah baharu kerana turut di-amalkan di negara berdaulat lain seperti England sejak 2012. Raja Charles III menerima pemakaian Pesuruhjaya Yang Dipertua The Royal Canadian Mounted Police (RCMP) pada 28 April 2023 menggantikan mendiang bondanya, Ratu Elizabeth II.

Pemakaian Pesuruhjaya Kehormat RCMP dalam kalangan kerabat diraja England sudah berlaku seawal 1920 dimulai Putera Edward (kemudiannya bergelar King Edward VIII). Lantaran itu, insiatif Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain untuk mewujudkan pemakaian itu di negara ini sangatlah wajar.

“Baginda dilihat mengamalkan pemerintahan lebih mendekati isu semasa, malah menyampaikan teguran terbuka, misalnya dalam kes tidak kesaksamaan pembangunan antara negeri”

Pewujudan darjah kehormat buat Yang di-Pertuan Agong itu selari dengan kedudukan baginda selaku Ketua Utama Negara mengikut Perkara 32 dan Pemerintah Tertinggi Persekutuan mengikut Perkara 39 Perlembagaan Persekutuan.

Kedudukan itu mengabsahkan kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk melantik Ketua Polis Negara dan Timbalan Ketua Polis Negara mengikut Perkara 140(4) Perlembagaan Persekutuan.

Perkara 140 adalah berhubung Suruhanjaya Pasukan Polis (SPP) dan kuasa diberikan Perlembagaan Persekutuan kepada baginda. Begitu juga halnya gelaran diraja kepada PDRM sejak 24 Julai 1958 dan pengurniaan Panji-Panji Diraja pada 11 November 1961 oleh Yang di-Pertuan Agong mewartakan pemakaian Pesuruhjaya Yang Dipertua Kehormat buat baginda.

Kedudukan baginda sebagai Pesuruhjaya Yang di-Pertua Kehormat melengkapkan kesempurnaan adat istiadat PDRM di samping satu penghormatan tertinggi buat pasukan itu selepas gelaran dan Panji-Panji Diraja itu. Kedudukan itu tidak menyentuh kuasa perintah dan kawalan Ketua Polis Negara bertanggungjawab kepada Menteri Dalam Negeri di bawah Seksyen 4 Akta Polis 1967 (Akta 344).

Barangkali tidak terkhilaf untuk menyatakan pemakaian Pesuruhjaya Yang di-Pertua Kehormat buat Yang di-Pertuan Agong bermula dengan Sultan Ibrahim adalah persembahan cukup bermakna.

Ini kerana anakanda kesayangan Baginda, Tunku Laksamana Johor, Almarhum Tunku Abdul Jalil pernah ditauliahkan pangkat inspektor pada 13 Oktober 2015 selepas tamat kursus empat tahun di Pusat Latihan Polis (PULAPOL), Kuala Lumpur.

Majlis pemakaian pangkat berkenaan disempurnakan baginda sendiri, disaksikan Ketua Polis Negara ketika itu, Tan Sri Khalid Abu Bakar di Istana Bukit Serene.

Komitmen almarhum kepada PDRM begitu tinggi apabila menyatakan: "Saya akan menghadiri kursus lain sesuai pada masa akan datang sama ada di Johor atau di mana-mana pun dihantar."

Hubungan akrab almarhum dengan PDRM turut diabadikan melalui Masjid Tunku Laksamana Abdul Jalil, di Ibu Pejabat Kontinjen PDRM, Jalan Tebrau, Johor Baharu.

Dapat dirasakan keakraban hubungan itu turut dikongsi Sultan Ibrahim selaku Pesuruhjaya Yang di-Pertua Kehormat PDRM. Semoga Allah SWT merahmati almarhum dalam kalangan hambanya yang soleh.

Dirgahayu Tuanku!

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

Sidang Redaksi

Pengarang Kumpulan
DATUK AHMAD ZAINI KAMARUZZAMAN
madzaini@mediaprima.com.my

Timbalan Pengarang Kumpulan
M THILLINADAN
thilly@bh.com.my